

INSURANS KEMALANGAN DIRI PEKERJA ASING

Helaian Pendedahan Produk

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Kemalangan Pekerja Asing. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Insurans Kemalangan Diri Pekerja Asing adalah pelan perlindungan 24 jam di seluruh dunia yang akan memberi pampasan kepada pekerja asing anda bagi kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan.

Produk ini adalah untuk semua pekerja asing yang bekerja secara sah di Malaysia berumur dari 16 hingga 70 tahun yang berkuat kuasa dari tarikh mereka berdaftar. Pembaharuan adalah sehingga umur maksimum 70 tahun.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat-Manfaat	Jumlah (RM)
Kematian Akibat Kemalangan	25,000
Hilang Upaya Keseluruhan Kekal	25,000
Perbelanjaan Perubatan (akibat kemalangan)	1,000
Perbelanjaan Pengkebumian / Perbelanjaan Penghantaran (akibat kemalangan dan sakit)	6,500
Premium Tahunan bagi setiap Pekerja yang Diinsuranskan (tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem)	50

Nota:

- Peratusan daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibayar mengikut pampasan yang dinyatakan dalam kontrak polisi jika anda menderita akibat Hilang Upaya Kekal.
- Indemniti maksimum yang perlu dibayar di bawah polisi adalah tidak melebihi 100% daripada jumlah diinsuranskan.

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh bermulanya polisi dengan membuat bayaran premium yang ditentukan oleh Syarikat pada hari pembaharuan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Jumlah</u>
• Cukai Perkhidmatan	• 8% daripada premium
• Komisen dibayar kepada Penasihat Insurans	• 25% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

4. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma serta premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Tunai Sebelum Perlindungan (Untuk pemegang polisi Individu sahaja)** - Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar. Syarat waranti premium yang dinyatakan di dalam polisi adalah dengan ini dihapuskan.
- **Waranti Premium (Lain-lain)** - Insurans kontrak terbatal secara automatik jika premium yang patut dibayar belum diterima dalam masa 60 hari dari bermulanya tarikh insurans ini.
- **Notis Tuntutan** - Sila berikan notis bertulis kepada kami dengan butiran penuh dalam masa tujuh (7) apabila menerima notis atau menanggung sebarang kecederaan, hilang upaya atau kematian. Anda boleh menghubungi mana-mana Cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk tujuan tuntutan. Hantar borang tuntutan yang lengkap kepada kami bersama-sama dengan dokumen yang berkaitan secepat mungkin.
- Perlindungan itu akan terhenti pada tarikh tamat dan Kami bertegas tidak akan bertanggungjawab, kecuali ianya diperbaharui.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi ini.

5. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan disebabkan oleh kejadian berikut:

- Perbuatan Keganasan
- Peperangan atau risiko yang seumpamanya.
- Bunuh diri, kecederaan akibat perlakuan diri sendiri, tindakan melanggar undang-undang atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada usaha menyelamatkan nyawa manusia).
- AIDS atau penyakit kompleks berkaitan AIDS.
- Hamil, bersalin, kecacatan fizikal, penyakit mental atau keuzuran.
- Sebarang krew, perdagangan, teknikal atau aktiviti sukan yang berkaitan dengan pesawat
- Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang.
- Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif.
- Sukan Berbahaya termasuk paying terjun, meluncur gantung, medaki gunung, apa-apa jenis perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki atau berenang) atau percubaan kelajuan ataupun keutuhan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.



MSIG

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd

Registration No. 197901002705 (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,

Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)

www.msig.com.my

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

6. Bolehkah saya batalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis. Sebarang bayaran balik premium adalah berdasarkan asas pro-rata pada tempoh perlindungan yang belum tamat dan tertakluk kepada Syarikat mengekalkan premium minimum RM50.00 dan Cukai Perkhidmatan semasa. Tiada bayaran balik dibenarkan jika terdapat sebarang tuntutan dibuat dalam tempoh perlindungan.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan / maklumat peribadi anda, pengambilan kerja, perkerjaan, tugas atau kegiatan oleh orang yang diinsuranskan, atau sebarang perubahan yang boleh meningkatkan kemungkinan sesuatu tuntutan di bawah polisi ini. Anda mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan akibat daripada perubahan sedemikian.

8. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)
Pusat Khidmat Pelanggan:
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
Tel : (603) 2050 8228
Faks : (603) 2026 8086
Talian Khidmat Pelanggan : 1-800-88-MSIG (6744)
E-mel : myMSIG@my.msigaia.com

9. Lain-lain jenis perlindungan Pekerja Asing yang ada:

- Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG)
- Skim Kemasukan Hospital Dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)

NOTA PENTING: ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMERHATIKAN SKALA MANFAAT-MANFAAT BAGI KEMATIAN ATAU HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA PERLU BACA DAN FAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 1 Mac 2024.